



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 13 NOVEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PEMBERIAN BANTUAN BAJA MENGIKUT KEPERLUAN TANAH - AHMAD HAMZAH, EDISI VIRAL -ONLINE	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
2.	BANTUAN BAJA IKUT KEPERLUAN TANAH, SH -ONLINE	
3.	SARAWAK BERPOTENSI SUMBANG PENGELUARAN MAKANAN NEGARA, BH -ONLINE	BAHAGIAN PENGAIRAN DAN SALIRAN (BPSP)
4.	PRODUK ENNA & QFISH, SH -7	PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT)

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/11/2020	EDISI VIRAL	ONLINE	

Pemberian Bantuan Baja Mengikut Keperluan Tanah - Ahmad Hamzah



Pemberian bantuan baja sedia ada kepada pesawah di bawah program Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) berdasarkan tiga formulasi pukal mengikut keperluan tanah mengikut zon di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata pada masa sama kementerian melalui Jabatan Pertanian Malaysia sedang melaksanakan program Pengurusan

Nutrien Lokasi Spesifik (SSNM) atau dikenali sebagai pemprofilan tanah. Jelasnya, SSNM adalah pembajaan yang diformulasikan mengikut kadar keperluan sebenar tanaman padi dan profil kesuburan tanah secara lokasi spesifik. Layari www.umno-online.my Ikuti Facebook, Twitter, Instagram, Telegram UMNO Online

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/11/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

Bantuan baja ikut keperluan tanah



dikenali sebagai pemprofilan tanah.

SSNM merupakan pembajaan yang diformulasikan mengikut kadar keperluan sebenar tanaman padi dan profil kesuburan tanah secara lokasi spesifik. - Gambar hiasan.

KUALA LUMPUR - Pemberian bantuan baja sedia ada kepada pesawah di bawah program Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) berdasarkan tiga formulasi pukal mengikut keperluan tanah mengikut zon di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, pada masa sama kementerian melalui Jabatan Pertanian Malaysia sedang melaksanakan program Pengurusan Nutrien Lokasi Spesifik (SSNM) atau

Jelasnya, SSNM merupakan pembajaan yang diformulasikan mengikut kadar keperluan sebenar tanaman padi dan profil kesuburan tanah secara lokasi spesifik.

"Program ini merupakan antara fokus utama pembaharuan kementerian memandangkan 40 peratus faktor pengeluaran tanaman padi adalah berkisar kepada pengurusan nutrien (pembajaan)," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat hari ini menjawab soalan Ahmad Tarmizi Sulaiman (PAS-Sik) mengenai pemberian bantuan baja kepada pesawah.

Ahmad berkata, sebagai permulaan, projek rintis SSNM akan dilaksanakan selama dua musim bermula musim 1/2021 di beberapa kawasan di bawah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di Pulau Pinang yang berkeluasan 2,000 hektar.

Beliau berkata, pembajaan melalui program SSNM dijangka dilaksanakan di seluruh negara dan mampu mengoptimumkan penggunaan input pertanian serta meningkatkan hasil tanaman padi. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/11/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	

Sarawak berpotensi sumbang pengeluaran makanan negara



KUALA LUMPUR: Sarawak mempunyai potensi besar dan mampu menyumbang kepada peningkatan pengeluaran makanan negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata kementerian meletakkan komitmen dan usaha tinggi dalam merancang, membina serta menaik taraf kemudahan infrastruktur pertanian seluruh negara, termasuk di Sarawak.

Potensi itu katanya, sangat signifikan dengan penubuhan empat Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) baharu, memfokuskan kepada tanaman padi.

"Kementerian melalui Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian (BPSP) sudah menjalankan beberapa program di bawah pembangunan infrastruktur pertanian di Sarawak melalui Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11).

"Sehingga kini, dana bernilai RM337.9 juta bagi peruntukan pembangunan sudah disalurkan ke Sarawak di bawah RMKe-11, membabitkan peruntukan berdasarkan 'Rolling Plan' (RP) selama lima tahun yang berakhir tahun ini," katanya pada sesi lisan di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau menjawab soalan Datuk Robert Lawson Chuat (GPS-Betong) yang mahu tahu hala tuju program pembangunan infrastruktur pertanian dan saliran pertanian di Sarawak bagi RMKe-11 yang berakhir tahun ini.

Ahmad berkata, kementerian juga sudah menyalurkan peruntukan bernilai RM6.7 juta di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) 2020 ke beberapa agensi pelaksana di Sarawak.

"Ia bertujuan melaksanakan kerja penyelenggaraan infrastruktur pertanian sedia ada dan jalan pertanian seluruh Sarawak," katanya.



Pemberian subsidi harga padi, baja mahupun insentif tanaman padi serta Insentif Pengeluaran Getah (IPG) seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2021 semalam memberi kelegaan kepada golongan petani. ARKIB NSTP

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/11/2020	SINAR HARIAN	NEKMAT	7

ENNA



PRODUK ENNA & QFISH

Dapatkan Keluaran Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) dirangkaian Kedai Halal Mart berdekatan anda ataupun pembelian secara atas talian <http://nekmatbiz.com.my> & <http://shopee.com.my/nekmat.os>



NEKMAT ingin membantu anda menambah pendapatan untuk menjadi agen pemasaran produk keluaran kami. Boleh berhubung terus di talian 03-61361808 atau email info@nekmat.com.my

 [persatuannelayankebangsaan](https://www.facebook.com/persatuannelayankebangsaan)
 [nekmat_kl](https://www.instagram.com/nekmat_kl)
 [@nekmat_kl](https://twitter.com/nekmat_kl)
 www.nekmat.com.my